

BAB KELIMA

BAB V

STRUKTUR DAN ASAS PENGIRAAN NISĀB ZAKAT AL-MĀL AL-MUSTAFĀD DAN AMALANNYA DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Dalam bab ini perbincangan akan ditumpukan pula kepada persoalan nisāb zakat al-Māl al-Mustafād yang menjadi syarat utama dalam sistem zakat dan menjadi perselisihan pendapat dikalangan fuqahā' terutama mengenai syarat zakat al-Māl al-Mustafād.¹ Bab Kelima ini menganalisis salah satu prasyarat zakat al-Māl al-Mustafād supaya analisis itu memberikan keadilan kepada penzakat dan penerima zakat serta pertimbangan kepada penaksir zakat. Bab ini juga menjelaskan konsep potongan yang dibenarkan bagi pengiraan nisāb. Konsep

1. Zakat didasari dengan dua syarat: syarat yang dikenakan kepada pembayar (muzki) dan syarat terhadap harta kenaan zakat. Antara syarat kepada pembayar, pembayar zakat ini mestilah terdiri daripada seorang Islam dan mardeka. Manakala syarat terhadap harta pula ialah pemilik sebenar, genap hawl dan nisāb, pendapatan bersih dan terdiri daripada harta yang subur. Lihat Ibn Hazm, V, op., cit., halaman 201.

ini berdasarkan kepada pendapat 'Alī b. Abī Tālib, Ṭalḥah, Mujaḥid, 'Umar Abd al-'Azīz dan lain-lain lagi. Mereka berkata, "Lembu atau unta yang digunakan untuk keperluan pemilikanya dikecualikan daripada zakat".¹ Tajuk-tajuk dalam bab ini membincangkan:

Asas-asas Pengiraan Nisāb Zakat al-Māl al-Mustafād;
Nisāb Dikira Daripada Pendapatan, Bersih;
Nafkah Diri Dan Tanggungan Tidak Dikira Sebagai Nisāb;
Nafkah Kepada Isteri Mendapat Potongan Kiraan Nisāb;
Nafkah Kepada Keluarga Mendapat Potongan Nisāb;
Bebanan Hutang Tidak Termasuk Kiraan Nisāb;
Hutang Zakat Wajib Dibayar Setiap Tahun; dan
Hutang Boleh Menghapuskan Kewajipan Berzakat.

KONSEP NIṢĀB AL-MĀL AL-MUSTAFAĀD

Nisāb diterima sebagai syarat asas kewajipan zakat harta kecuali pendapat 'Abd Allāh b. 'Abbās (m. 68H), 'Umar 'Abd al-'Azīz (m. 101H) dan al-Imām Abū Ḥanīfah (m. 150H). Mereka tidak menjadikannya sebagai syarat zakat harta perta-
nian.² Dasar nisāb itu diwujudkan bertujuan untuk membezakan

-
1. Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 156.
 2. Abū Yūsuf, op. cit., halaman 52; dan al-Syaybānī, op. cit., halaman 157 dan 160.

sama ada seseorang itu tergolong orang kaya¹ atau orang miskin.² Orang kaya diwajibkan zakat, manakala orang miskin wajib menerima agihannya.³ Sistem ekonomi Islam berorientasikan kepada konsep bahawa setiap kekayaan yang dimiliki oleh

1. Mengikut istilah al-Qur'ān, perkataan kaya dinyatakan sebagai "al-'Afw". Lihat Q., al-Baqarah (2) : 219; dan al-A'rāf (7) : 199. Al-'Afw, dalam bahasa Arab diertikan sebagai "al-Faḍl dan al-Ziyādah" (pendapatan bersih). Ini bermakna sesuatu pendapatan yang dapat menampung kehidupan fizikal dan spiritual diri sendiri dan tanggungan serta mempunyai kelebihan pendapatan dianggap sebagai orang kaya. Lihat al-Fayrūzabādī, III, op. cit., halaman 366; dan Muḥammad Rasyīd Riḍā, al-Manār, II, Dār al-Ma'rifah, Beirut, t. t., halaman 337.
2. Terdapat dua bentuk kemiskinan; kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak, ialah suatu keadaan individu atau sesebuah keluarga tidak mempunyai cukup wang untuk membeli barang-barang keperluan walaupun pada kadar yang paling minimum seperti keperluan makanan, perlindungan dan pakaian. Di Malaysia kemiskinan mutlak diukur berdasarkan pendapatan purata RM310.00 sebulan. Manakala kemiskinan relatif pula, disukat dalam sebutan ketidak-seimbangan agihan pendapatan. Bermakna kemiskinan tetap wujud, walaupun sesebuah negara itu makmur. Seseorang itu tetap dianggap miskin secara relatif daripada orang lain yang mempunyai pendapatan yang berbeza. Kemiskinan mutlak adalah maksud dalam kajian ini. Lihat Siti Rohani Yusuf, op. cit., halaman 98.
3. Kemiskinan bererti seseorang yang tidak memiliki atau berdaya memproduksi hasil sejumlah minimum niṣāb atau tidak memiliki 25% daripada nilai minimum niṣāb emas dan perak atau seseorang yang berkemampuan menyediakan makan dan minum untuk sehari semalam sahaja (kais pagi makan pagi, kais petang makan petang). Lihat Sahri Muhammad, Pengembangan Zakat & Infak Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat, Yayasan Pusat Studi Avicena, Malang, 1982, halaman 26.

individu atau syarikat mesti dikongsi bersama. Orang berada diwajibkan memindahkan sebahagian daripada miliknya kepada orang yang berhajat melalui sistem zakat, infāq atau sedekah.¹

Al-Qur'ān tidak menyatakan secara khusus mengenai persoalan nisāb. Nabi Muḥammad ṣ. 'a.w. semasa di Makkah juga tidak menyentuh persoalan tersebut. Kuantiti zakat pada masa itu bergantung kepada kesedaran "jiwa pengorbanan" dan "keimanan" individu. Malah, zakat pada masa itu diwajibkan atas dasar ad hoc. Dana yang dikutip daripada masyarakat Islam dibelanjakan untuk membiayai peperangan yang datang mendadak.

Ketetapan nisāb mula diperkenalkan oleh Nabi Muḥammad ṣ. 'a.w. selepas baginda berhijrah ke Madīnah. Pada masa akhir hayat Nabi, baginda berkesempatan menulis surat perintah yang dinamakan "Kitāb al-Sadaqah", bagi menjelaskan kadar nisāb dan kadar zakat terhadap binatang ternakan, emas, perak dan hasil pertanian sebagai panduan kepada seluruh wālī (gabenor) daerah.² Kemudian kitab ini menjadi -----

1. Sahri Muhammad, op. cit., halaman 26.

2. Abū Yūsuf, op. cit., halaman 76-77; dan Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 147.

panduan pula kepada Khalifah 'Abū Bakr al-Ṣiddīq dan 'Umar b. al-Khaṭṭāb.¹ Kitab ini, dipercayai menjadi asas utama kepada pelaksanaan konsep nisāb yang tersebut secara umum di dalam al-Qur'ān.²

Dalam istilah undang-undang Islam, nisāb ialah kadar minimum yang dikenakan ke atas harta yang diwajibkan zakat. Oleh itu, Hadīth Nabi pada masa itu hanya menetapkan jumlah minimum nisāb yang disyaratkan ke atas binatang, pertanian, emas dan perak sahaja kerana bilangan harta kenaan zakat hanya kepada harta tersebut.³ Abū Sa'īd al-Khudhrī (m. 78H) mendengar Rasūl Allāh s.'a.w. bersabda:

"Unta yang kurang daripada lima ekor dibebaskan zakat. Perak yang kurang daripada lima awqiyah (200 dirham) tidak wajib zakat. Pertanian yang kurang daripada lima awsuq (400 gantang) tidak diwajibkan zakat".⁴

1. Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 147.
2. Imtiyāz Aḥmad, Dalā'il al-Tawthīq al-Mubakkir Li al-Sunnah wa al-Hadīth, Dār al-Wafā', Kaherah, 1990, halaman 370. Buku ini merupakan sebuah disertasi PhD. 1974, Universiti Edinburgh, Scotland, United Kingdom. Buku asal yang bertajuk "The Significance of Sunna And Hadīth And Their Early Documentation". Buku ini telah diterjemahkan pula ke dalam Bahasa Arab, oleh 'Abd al-Mu'tī Amin Qala'ji pada tahun 1990.
3. Abū 'Ubayd, op. cit., halaman, 147.
4. Mālik b. Anas, op. cit., halaman 167.

Dalam Hadīth yang lain Nabi bersabda:

"Kurma yang kurang daripada lima awsug (400 gantang) tidak diwajibkan zakat. Perak yang kurang daripada lima awqiyah (200 dirham) tidak diwajibkan zakat. Unta yang kurang daripada lima ekor tidak diwajibkan zakat".¹

Nisāb yang dijadikan sebagai batas kekayaan dan kemiskinan pada dasarnya boleh dikategorikan kepada tiga tahap iaitu zakat yang tidak disyaratkan nisāb, zakat yang disyaratkan nisāb tetap dan zakat yang ditetapkan nisāb berlapis. Zakat yang tidak disyaratkan nisāb tetap dan berlapis ialah zakat fitrah. Zakat ini diwajibkan dengan syarat jika seseorang Islam itu memiliki kelengkapan makanan dan pakaian pada hari raya pertama. Manakala nisāb tetap seperti nisāb ke atas barang-barang emas, perak dan sesuatu yang tertakluk kepadanya (20 mithqāl iaitu 93.3 gram atau 200 dirham bersamaan 624 gram (RM3,000), pertanian (5 awsug [400 gantang]). Manakala nisāb berlapis (bertahap) pula dikenakan ke atas binatang ternakan seperti unta bermula daripada lima ekor dan seterusnya, biri-biri bermula daripada 40 ekor dan seterusnya dan lembu bermula daripada 30 ekor dan seterusnya. Lihat Jadual II berikut untuk keterangan lanjut.

1. Mālik b. Anas, op., cit., halaman 167.

JADUAL II
NISAB ZAKAT BERTAHAP
 ZAKAT BINATANG TERNAKAN

ZAKAT	TAHAP	NISAB	KADAR ZAKAT ----- Jum & Jen	UMUR	LAPIS
UNTA	I	0-4	Bebas zakat	-	
	II	5-9	1 ekor Kamb	> 2 tahn	5 ekor
			setiap tambahan 5 ekor zakatnya 1 ekor > 2 tahun		
	III	25-35	1 ekor unta	> 1 tahn	10 ekor
			setiap tambahan 10 ekor zakatnya 1 ekor unta > 2thn		
	IV	45-60	1 ekor unta	> 2 thn	14 ekor
			setiap tambahan 14 ekor zakatnya 1-2 umur > 2-4 thn		
	V	121-160	3 ekor unta	> 2 thn	29 ekor
	VI	161-170	3 ekor unta	> 3 thn	9 ekor
	VII	171-210	4 ekor unta	> 2 thn	31 ekor
KAMBING			tambahan 10 ekor zakatnya 4 ekor > 3 tahun		
	VII	221-260	5 ekor unta	> 2 thn	49 ekor
			setiap tambahan 10 ekor zakatnya 4 ekor > 3 tahun		
	I	0-39	bebas zakat	-	-
	II	40-120	1 ekor kamb	> 2 thn	80 ekor
	III	121-200	2 ekor kamb	> 2 thn	
	IV	201-400	3 ekor kamb	> 2 thn	200ekor
	IV	401-500	4 ekor kamb	> 2 thn	100ekor
			setiap tambahan 100 ekor zakat 1 ekor > 2 tahun		

(Sumber: Abu 'Ubayd, halaman 147)

Apakah Hadīth nīsāb di atas boleh dijadikan petunjuk terhadap harta kenaan zakat yang lain? Al-Imām Wali Allāh al-Dahlawī (m. 1176H) memberikan komentar ke atas kuantiti nīsāb yang dijadikan batas kekayaan dan kemiskinan dalam sistem zakat. Mengikut teori ekonomi pengguna, kuantiti itu dapat menampung keperluan asasi satu keluarga kecil. Kata beliau:

"Kadar lima awsuq (400 gantang) dapat menampung satu keluarga yang mengandungi suami, isteri dan seorang anak atau seorang pembantu (untuk tiga orang) selama setahun. Kelazimannya seorang makan satu kati atau satu cupak satu hari, selebihnya boleh dilaburkan. Manakala emas dan perak sebanyak 200 dirham juga dapat menampung satu keluarga kecil dalam masa satu tahun jika keadaan ekonomi stabil. Manakala nīsāb lima ekor unta ditetapkan kerana unta merupakan binatang serba guna. Daging dan susunya boleh dimakan dan diminum sedangkan anggota lainnya boleh dijual atau unta itu sendiri boleh dijadikan kenderaan. Harga seekor unta di masa itu bersamaan dengan 8-10 ekor biri-biri. Oleh itu nīsāb 40 ekor biri-biri menyamai dengan lima ekor unta".¹

Nīsāb yang disyaratkan kepada harta zakat boleh dipadankan dengan konsep tabungan atau simpanan (al-Wadī'ah) dalam sistem ekonomi. Di mana seorang pemilik harta itu menahan diri daripada menggunakan semua pendapatan pada masa

1. Syaykh Wali Allāh al-Dahlawī, Hujjat Allāh al-Balighah, II, Dār al-Turāth, Kaherah, 1323H, halaman 506.

sekarang untuk meningkatkan tabungan atau simpanan pada masa hadapan. Ini bermakna; $T = P + G$, di mana T = Tabungan, P = Pendapatan dan G = Penggunaan.¹

Terdapat tiga sistem tabungan iaitu Tabunagan bersih, tabungan cadangan dan tabungan negatif. Tabungan bersih bermakna perbelanjaan lebih rendah daripada pendapatan sebenar. Tabungan cadangan pula ialah jumlah tabungan yang ingin dicapai oleh seseorang. Tabungan ini boleh jadi berjaya atau tidak. Manakala tabungan negatif pula ialah perbelanjaan melebihi pendapatan sebenar. Dengan konsep ini kiraan niṣāb dalam sistem zakat mudah dilaksanakan serta dapat menyekat individu yang mengelak daripada membayar zakat dengan alasan tidak cukup niṣāb. Pemilik harta tidak semestinya benar-benar memiliki harta tunai pada akhir ḥawl. Pendapatan yang mereka perolehi memadai untuk menggolongkan mereka sebagai orang kaya di sepanjang tahun taksiran walaupun harta tersebut habis dibelanjakan secara mewah. Sebagai

1. Berhubung dengan tabungan ini Nabi Allāh Yūsuf a.s. telah menganjurkan kepada kerajaan Mesir supaya membuat perancangan pertanian selama 7 tahun. Hasil pendapatan tersebut hendaklah digunakan secara ekonomik.
"Nabi Yūsuf menjawab takbir mimpi raja dan pegawainya: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh selama tujuh tahun berterusan. Apabila tiba musim mengetam biarkanlah hasil itu kekal ditangkainya kecuali sedikit bahagian yang dijadikan makanan". Lihat Q., Yūsuf (12) : 47.

individu muslim, sepatutnya harta itu digunakan secara sederhana.¹

ASAS-ASAS PENGIRAAN NISĀB AL-MĀL AL-MUSTAFAĀD

Perintah membayar zakat difardukan ke atas pemilik individu itu sendiri dan kepada pemegang amanah ke atas harta syarikat, harta kanak-kanak, harta anak yatim atau harta orang yang cacat akal dan sebagainya. Apabila harta itu mencapai nisāb, mereka bertanggungjawab membayar kepada institusi zakat.²

Satu pertanyaan yang sentiasa timbul dan memerlukan jawapan yang mantap dan praktis ialah mengenai persoalan yang menyentuh tentang pemakaian nisāb kepada zakat al-Māl

1. Allāh telah mengajar kepada hambaNYA supaya berbelanja secara sederhana sebagaimana firman Allāh yang bermaksud:
"Dan juga mereka membelanjakan harta-hartanya tidaklah melampaui batas dan tidak pula kedekut. Sebaliknya perbelanjaan mereka adalah benar-benar sederhana di antara boros dan bakhil". Lihat Q., al-Furqān (25) : 67.
2. Pendapat ini berdasarkan pendapat 'Umar b. al-Khaṭṭāb, 'Alī b. Abī Tālib, 'Ā'isyah b. Abī Bakr, 'Abd Allāh b. 'Umar, Jābir b. 'Abd Allāh, Mālik b. Anas, al-Syāfi'ī dan Aḥmad b. Hanbal. Mereka berlandaskan keumumam ayat 103, Surah al-Tawbah (9) dan Hadīth 'Abd Allāh b. 'Abbās semasa Rasūl Allāh s.'a.w. mengutus Mu'adh b. Jabal ke negeri Yaman. Lihat Ibn Ḥazm, V, op. cit., halaman 202.

al-Mustafād. Adakah ia dikira berdasarkan niṣāb hasil pertanian, atau berdasarkan niṣāb emas dan perak atau harta karun? Adakah ia ditaksir daripada pendapatan kasar atau pendapatan bersih? Pertanyaan ini tidak mudah untuk dijawab dengan baik dan mantap, melainkan setelah mendalami falsafah dan maṣlahah (kebaikan) perintah zakat yang dikenakan terhadap orang kaya. Bagi mengetahui persoalan yang rumit ini, hanya terdapat sedikit panduan umum daripada al-Qur'ān dan Ḥadīth. Ini terdapat di dalam Surah al-Baqarah (2) : 219¹ dan Surah al-A'rāf (7) : 199² dan Surah al-Ṭalāq (65) : 7.³ Manakala dalil dari Ḥadīth pula terdapat sebuah Ḥadīth yang bermaksud: "Zakat diwajibkan kepada orang kaya".⁴ Selain daripada dua sumber tersebut terdapat penda-

1. "Dan mereka bertanya kepada kamu wahai Muḥammad ṣ. 'a. w. : Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan?) Katakanlah: (Dermakanlah apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu). demikianlah Allāh menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukum) supaya kamu berfikir". Lihat Q., al-Baqarah (2) : 219.
2. "Ambillah apa yang berlebih dan suruhlah pada perkara yang baik".
3. "Hendaklah orang yang mampu, mengeluarkan infāq (zakat) sebahagian daripada kemampuannya".
4. Al-Nasā'ī, V, op. cit., halaman 46; al-Bukhārī, op. cit., halaman 167; l-Nawawī, Sahīh Muslim bi Syarḥ al-Nawawī, VII, Dār al-Fikr, Beirut, 1975, halaman 125; dan al-Tirmidhī, III, op. cit., halaman 148.

pat 'Umar b. al-Khaṭṭāb di mana beliau memungut zakat daripada pendapatan bersih.¹

Menurut Abū 'Ubayd, perkataan niṣāb disebut juga dengan panggilan Asl al-Māl (punca harta) oleh penduduk 'Irāq, begitu juga ia dinamakan dengan Niṣāb al-Māl (nisab harta) oleh penduduk Madīnah.² Sekurang-kurangnya terdapat tiga pendekatan bagi menentukan niṣāb zakat al-Māl al-Mustafād:

1. Pendapatan penggajian niṣābnya disatukan dengan niṣāb emas dan perak (20 dinar atau 200 dirham).³
Kerana lazimnya gaji yang diterima oleh pekerja setiap bulan atau minggu dinilai dengan wang.

1. Al-Tabarī, Jāmi' al-Bayān, V, op. cit., halaman 226; Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 226; dan al-Fayrūzābādī, op. cit., halaman 24.
2. Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 167.
3. Menurut Mālik b. Anas, "Sesungguhnya dalam surat Rasūl Allāh s. 'a.w. dan surat 'Umar b. al-Khaṭṭab mengenai soal zakat ada disebut bahawa emas tidak diwajibkan zakat sedikit pun melainkan setelah mencapai 20 dinar. Apabila mencapai 20 dinar zakatnya setengah (1/2) dinar. Manakala perak tidak diwajibkan zakat sedikit pun melainkan setelah mencapai 200 dirham, maka zakatnya lima (5) dirham". Lihat Mālik b Anas, op. cit., halaman 169; al-San'ani, IV, op. cit., halaman 88; Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 166; dan Ibn Abī Syaybah, II, op. cit., halaman 357.

2. Hasil pendapatan ahli profesional pula tertakluk kepada niṣāb hasil pertanian sebanyak lima awsuq.¹ Pendapatan mereka dipadankan dengan pendapatan musiman yang dihasilkan oleh petani.
3. Pendapatan imbuhan seperti bonus, subsidi, keraian dan sesuatu yang dikaitkan dengan pendapatan pindahan pula berdasarkan kepada harta rikāz.² Pemakaian ini berdasarkan perolehan harta tersebut tidak menggunakan usaha yang susah dan rumit.

Penetapan niṣāb pendapatan penggajian, pendapatan ahli profesional dan pendapatan pindahan (al-Māl al-Mustafād) boleh disatukan jika dapat diterima konsep "penyatuan kadar

1. Menurut Mālik b. Anas, "Sesungguhnya di dalam surat Rasūl Allāh ṣ. 'a.w. dan 'Umar b. al-Khaṭṭāb mengenai zakat bahawasanya zakat pertanian tidak diwajibkan kecuali makanan yang mencapai lima awsuq (400 gantang). Lihat Mālik b. Anas, op. cit., halaman 182; Yahyā b. Adam, op. cit., halaman 115; Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 194; al-Ṣan'ānī, op. cit., halaman 139; dan Ibn Abī Syaḡbah, II, op. cit., halaman 375.
2. Mengikut pendapat al-Imām Abū Hanīfah, harta al-Ma'adin (galian) dan al-Rikāz (harta qarun) tidak disyaratkan niṣāb. Tetapi mengikut pendapat Mālik b. Anas, 'Umar b. 'Abd al-'Aziz, 'Aṭa' dan al-Imām al-Syāfi'ī disyaratkan niṣāb. Lihat Mālik b. Anas op. cit., halaman 169; al-Syaybānī, op. cit., halaman 128; al-Syāfi'ī, op. cit., halaman 43 dan 45; Ibn Abī Syaḡbah, II, op. cit., halaman 355; dan Ibn Ḥazm, VI, op. cit., halaman 108.

nisāb". Konsep itu pernah di utarakan oleh al-Sarakhsī di dalam kitab beliau al-Mabsūt¹, di mana sarjana Islam itu mencadangkan supaya tidak ada perbezaan kadar nisāb zakat harta yang diperolehi daripada berbagai-bagai sumber.² Beliau berpendapat: "Seekor kambing berharga lima (5) dirham dan seekor unta berharga 40 dirham. Ini bermakna 40 ekor kambing dan 5 ekor unta berharga 200 dirham. Manakala satu wasq hasil pertanian (bersamaan 60 gantang atau 165 liter) berharga 40 dirham. Oleh itu, 5 awsuq (400 gantang) berharga 200 dirham".³ Secara praktiknya, kenyataan di atas telah diserapkan ke dalam nisāb zakat perniagaan yang digiyaṣkan kepada nisāb zakat emas dan perak. Begitu juga dalam korban di mana seekor kambing dinilai untuk seorang, manakala seekor unta pula dinilai untuk tujuh (7) orang. Jika dilihat dari nilai harga pula, ia mempunyai perimbangan yang terhampir.

-
1. Al-Sarakhsī, II, op. cit., halaman 150.
 2. Nisāb pertanian dikira daripada hasil semata-mata, tidak termasuk nilai sumbernya seperti tanah. Begitu juga sewa bangunan tidak dinilai harga bangunan itu. Manakala nisāb harta alih, pendapatan dan modal dikira bersama untuk menentukan nisāb. Kemungkinan ini yang membezakan nisāb pertanian tinggi (di antara 5%-10%) dan nisāb perniagaan dan yang seumpama dengannya rendah (2.5%). Lihat al-Sarakhsī, II, op. cit., halaman 150.
 3. Al-Sarakhsī, II, op. cit., halaman 150.

Menurut pendapat Abū 'Ubayd (m. 224H), sesiapa sahaja yang memiliki kekayaan menyamai dengan 200 dirham, 20 dinar, 5 ekor unta, 30 ekor lembu atau 40 ekor kambing dari awal hingga akhir tahun mereka diwajibkan zakat.¹ Ini bermakna, kualiti nisāb zakat emas dan perak, binatang ternakan dan hasil pertanian adalah sama, walau pun kuantitinya berbeza. Pada masa Khalifah 'Umar b. al-Khaṭṭāb (m. 23H) memerintah, beliau pernah menurunkan harga barang-barang disebabkan musim kemarau, walau pun keadaan ekonomi ketika itu tidak cergas. Justeru itu, penternak yang memiliki 100 ekor kambing tidak diwajibkan zakat kerana nilai kambing ketiga itu menurun.² Harga 100 ekor kambing ketika itu tidak mencapai 200 dirham atau 20 dinar. Nilai kekayaan seseorang itu dilihat berdasarkan harga pasaran harta sebenar, bukan berdasarkan kepada kuantiti harta. Fakta ini berdasar 100 ekor kambing yang dimiliki oleh penternak di masa pemerintahan 'Umar al-Khaṭṭāb itu telah melebihi minimum nisāb zakat kambing, sebanyak 40 ekor, tetapi ia di bebaskan daripada zakat.

Al-Imām al-Syāfi'ī (m. 204H) sependapat dengan teori di

1. Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 166-167.
2. Ibid., halaman 236.

atas. Katanya: "Apabila seseorang membeli sesuatu barangan bernilai 20 dinar (cukup niṣāb), kemudian di akhir tahun (ḥawl) barang itu dijual dengan harga kurang daripada 20 dinar, maka hasil perniagaan orang itu tidak diwajibkan zakat kerana harga pasaran sebenar ketika itu telah meleset daripada harga modal yang mencapai niṣāb".¹ Pendapat ini mendapat dokongan jitu daripada kumpulan ulama mazhab Hanābilah.²

Oleh itu, nilai niṣāb zakat harta adalah sama sahaja dipandang dari sudut ilmu ekonomi. Komoditi zakat yang berlaku pada zaman Nabi, pada hakikatnya mempunyai nilai niṣāb yang tidak berbeza di pasaran bebas yang mantap ketika itu. Individu yang memiliki 93.6 gram atau 5 ekor unta atau 40 ekor biri-biri atau 5 awsuq makanan sudah dikira sebagai individu yang mampu.³ Oleh itu mereka diwajibkan berzakat dan infāq.

1. Al-Syāfi'ī, al-Um. op., cit., halaman 40-41.
2. Ibn Qudāmah, al-Mughnī, II, Dār al-Kītab al-'Arabī, Beirut, 1972, halaman 623.
3. Dalam bahasa statistik keadaan itu disebut nilai sepadan atau sama; $N_1=N_2=N_3=N_4$
 N_1 = nisab emas;
 N_2 = nisab unta;
 N_3 = nisab biri-biri; dan
 N_4 = nisab pertanian. Lihat Sahri Muhammad, op. cit., halaman 45.

Pendapat di atas ada kebenarannya, jika dilihat daripada konsep ilmu ekonomi kerana kadar minimum nisāb yang dipraktikkan sekarang memperlihatkan jurang perbezaan pendapatan yang tidak setara. Lihat Jadual III berikut;

JADUAL III
ANGGARAN NILAI NISAB TIDAK SETARA

JENIS	NISAB	NILAI RM
Lembu	30 ekor	30,000
Kambing	40 ekor	8,000
Unta	5 ekor	5,000
Pertanian	5 awsuq	600
Emas	20 dinar	2,400
Perak	200 dirham	2,400
Perniagaan	20 dinar	2,400

Kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada Januari 1994. (Sumber : PPZWP).

Semenanjung Tanah Arab, terutama Makkah dan Madīnah pada satu masa dahulu pesat dalam dunia perniagaan. Ia menjadi pusat pertukaran barang dan matawang dari merata daerah. Matawang dinar dijadikan piawai yang mantap dalam pasaran wang ketika itu. Malah sistem zakat dan kharāj (cukai tanah) pun berdasarkan nilai dinar. Zaman telah berubah begitu jauh dan terus maju. Sejarah perkembangan sistem kewangan antarabangsa telah beberapa kali mengalami peruba-

han. Sejak akhir kurun ke-19 hinggalah meletus Perang Dunia I, iaitu antara tahun 1880 hingga 1914, dunia mengamalkan sistem piawai emas. Melalui sistem ini, setiap negara menetapkan nilai mata wang masing-masing dalam sebutan emas. Sebagai contoh, Amerika Syarikat menetapkan AS\$1.00 bersamaan 23.22 grain emas tulen dan United Kingdom pula menetapkan 1.00 paund bersamaan 113.0016 grain emas tulen (0.065 gm = 1 grain).¹ Oleh itu, nisab emas seberat 93.6 gram bersamaan dengan 1440 grain.

Selepas Perang Dunia II hingga awal dekad 1970an, dunia tertakluk kepada sistem kewangan antarabangsa yang dikenali sebagai sistem Bretton Woods. Sistem ini dipersetujui oleh 44 buah negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Bretton Woods, Amerika Syarikat. Pelaksanaan sistem ini meletakkan piawai emas-pertukaran, iaitu setiap negara menjadikan emas dan dolar Amerika sebagai satu-satunya mata wang utama dunia. Dengan itu setiap mata wang mempunyai nilai tara masing-masing yang dinyatakan dalam sebutan dolar Amerika Syarikat.²

1. Mansor Jusoh & Hamzaid Yahya, Ekonomi Kewangan Antarabangsa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, halaman 74-75.
2. Mansor Jusoh & Namzaid Yahya, op. cit., halaman 74, 80-81.

Sistem Bretton Woods dengan rasminya bubar pada tahun 1971. Selepas itu dan hingga sekarang, dunia secara umumnya mengamalkan sistem apungan terurus yang mempunyai ciri-ciri pertukaran boleh ubah. Negara yang mengamalkan sistem ini membiarkan kadar pertukaran mata wangnya terapung, iaitu bebas ditentukan di pasaran, selagi kadar itu selari dengan arah aliran jangka panjang. Kerajaan hanya akan turut campur tangan untuk mengurangkan turun naik kadar pertukaran yang bersifat jangka pendek yang disebabkan oleh kegiatan spekulasi. Oleh itu, sistem ini berupaya melaras ketidakseimbangan imbalan pembayaran secara automatik.¹

Nisāb merupakan prasyarat yang diamalkan dalam sistem zakat. Ia dijadikan sebagai suatu sistem piawai pembayaran langsung dalam sistem barangan (sistem nilai atau harga). Dengan konsep ini nisāb dapat menyelaraskan dan membendung defisit atau lebihan imbalan pembayaran di pasaran barter (pertukaran barangan) atau pasaran mata wang. Justeru itu, bagi memantapkan nilai nisāb, sewajarnya mulai sekarang digunakan piawai logam emas dan perak bagi mengendalikan sistem nisāb. Dengan pendekatan ini status kekayaan adalah -----

1. Mansor Jusoh & Namzaid Yahya, op. cit., halaman 74 91-92.

setara kerana berasaskan kepada pariti min. Maka niṣāb harta kenaan zakat yang didasarkan kepada harga (nilai) tetap dapat menepati perubahan realiti sosio-ekonomi yang realistik.¹

Reformasi atau suatu pentafsiran baru mengenai sistem zakat harus ditinjau semula, asalkan hanya berlandaskan kepada norma-norma syari'ah dan akademik. Perubahan masa, budaya dan kegiatan ekonomi boleh mengubah sesuatu ketetapan atau hukum, asalkan tidak menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal. Hadīth Nabi ṣ. 'a. w yang menetapkan kadar niṣāb terhadap harta kenaan zakat merupakan suatu pentafsiran nisbī (relative) dan fleksibel.

Merujuk kepada Jadual Dua di atas, ketidakadilan pasti boleh berlaku dalam sistem zakat jika prasyarat niṣāb zakat masih dikekalkan dalam sistem zakat yang ada sekarang. Perubahan yang mesti dilakukan bukan bermakna umat Islam membelakangkan ketentuan hukum zakat yang telah diperincikan oleh

1. Bagi mencari harga (nilai) yang rasional zakat pertanian adalah sebanyak lima awsuq (750) kilogram dengan niṣāb emas dan perak. Iaitu:

$$\frac{93.6 \text{ gram} \times 2.5\% \times \text{RM}3,000}{750 \text{ klg} \times 5\% \times ?}$$

Nabi Muhammad s. 'a.w. melalui persabdaan baginda.¹ Islam adalah sistem yang mengatur persoalan hidup manusia yang sentiasa berkembang. Islam tidak menolak perubahan tamadun manusia secara mutlak. Oleh itu, mengkaji semula konsep nisāb merupakan tuntutan syari'ah Islam dan ikhtiar yang bermanfaat di sepanjang zaman.

Jika diamat-amati, minimum nisāb pada Jadual Dua, halaman 159, seolah-olah sistem zakat yang dijadikan rukun Islam dan sendi sosial umat Islam amat membebankan dan tidak mempraktikkan keadilan. Betapa tidaknya kerana nisbah kekayaan yang dimiliki oleh seseorang Islam dibeza-bezakan.² Yang paling malang adalah masyarakat petani yang memperolehi pendapatan yang kecil dibandingkan dengan penternak dan pemilik kekayaan lain seperti emas, perak dan perniagaan. Persoalannya, apakah satu nilai yang kukuh yang boleh dijadi-

1. Hadīth Nabi Muhammad s. 'a.w. mengenai nisāb merupakan satu pentafsiran relatif. Ia mencerminkan nilai ekonomi yang berlaku pada masa itu, dan ia tetap berubah-ubah di atas prinsip permintaan dan penawaran. Justeru itu, Hadīth tersebut bermaksud memberi panduan terhadap persoalan pokok di dalam sistem zakat. Oleh itu, pentafsiran itu tidak mengikat terhadap kuantiti nisāb. Lihat Mahmūd Abu al-Su'ūd, Fiqh al-Zakāh al-Mu'asir, Dar al-Qalam, Kuwait, 1992, halaman 23-24.
2. Lihat nisbah nilai zakat pertanian dengan zakat harta-harta lain seperti perniagaan, wang simpanan dan barang-barang perhiasan yang diperbuat daripada emas dan perak.

ikan ukuran yang padu terhadap kuantiti nisāb?

Nisāb emas 20 dinar dan nisāb perak 200 dirham layak dijadikan ukuran standard kepada seluruh komoditi nisāb harta zakat kerana kemantapan dan kemudahcairannya di pasaran antara bangsa dan tempatan. Oleh itu, nisāb logam emas dan perak itu juga sesuai diserapkan bagi pelaksanaan zakat al-Māl al-Mustafād sebagaimana nisāb zakat perniagaan yang ditaksir berdasarkan nilai, tidak ditaksir berdasarkan kuantiti barangan.

NISĀB DIKIRA DARIPADA PENDAPATAN BERSIH

Berdasarkan kepada al-Qur'ān dan al-Hadīth, zakat diwajibkan kepada mereka yang memiliki pendapatan sebenar atau tabungan bersih (al-'Afw atau al-Fadl).¹ Pendapatan yang dibelanjakan bagi saraan diri, ahli tanggungan dan pembayaran hutang dikira sebagai harta pengguna, dengan itu tidak diwajibkan zakat. 'Uthmān b. 'Affān (m. 35H), Tā'us (m. 106H), 'Ikrimah (m. 107H), al-Thawrī (m. 150H), Ibn Jurayj (m. 150H) dan al-'Aynī (m. 855H) berpendapat,

1. Q., al-Baqarah (2) : 219; al-Tawbah (9) : 75-76; Ibid. al-A'rāf (7) : 199; dan al-Talāq (65) : 7. Lihat juga al-San'ānī, op. cit., halaman 93; Al-Bukhārī, op. cit., halaman 167; Muslim, op. cit., halaman 125; al-Nasā'ī, op. cit., halaman 62; dan al-Tirmidhī, op. cit., halaman 148.

"Seseorang yang mengeluarkan zakat sedangkan harta itu diperlukan bagi menanggung keluarga dan hutang, maka hutang hendaklah didahulukan, iaitu mendahulukan yang wajib".¹ Sebenarnya pendapat tersebut selaras dengan pendapat Sahabat dan Tabi'in yang mengatakan bahawa, zakat diwajibkan ke atas pendapatan bersih atau tabungan bersih sahaja.²

Keperluan asasi manusia terbahagi kepada dua tahap. Tahap pertama, keperluan ṭabī'ī seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Manakala tahap kedua ialah keperluan lazim seperti pendidikan, kesihatan dan kemahiran. Kedua-dua keperluan itu dapat menjamin keselesaan hidup jasmani dan rohani. Oleh itu, ia dikategorikan sebagai perbelanjaan pengguna yang dikecualikan daripada zakat. Menurut Dr. Husayn Najm al-Dīn,³ keperluan menjadi hak asasi manusia semulajadi. Dalam syari'ah Islam ia telah dipraktikkan lebih daripada 14 abad yang lalu seperti hak manusia

1. Al-Ṣan'ānī, IV, op. cit., halaman 93-94; dan al-'Aynī, VII, op. cit., halaman 229-230.
2. Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 177-178.
3. Beliau seorang pensyarah ekonomi, Fakulti Ekonomi di Universiti al-Zaqāziq. Beliau membentangkan kertaskerja bertajuk "al-Hajāt al-Asāsiyyah fī Buldān al-'Ālam al-Thālith" di Pusat Pengajian Undang-undang dan Ekonomi Antara Bangsa, bertempat di Universiti Zaqāziq, Kaherah pada 15hb. Januari 1984.

untuk menikmati kehidupan yang aman sama ada dari segi jasmani atau rohani mereka.¹ Keperluan manusia sejagat adalah mengharapakan kecukupan bahan makanan, pakaian, tempat tinggal, rawatan, kemudahan awam, pendidikan dan latihan bagi menjamin kehidupan yang sihat dan sejahtera untuk dirinya dan keluarga.²

Keperluan makanan dan minuman yang berkualiti amat penting bagi menjaga kesihatan manusia. Bagi menentukan tahap tisu (daging, otot, saraf) yang hidup dapat menjalankan tugas dengan sempurna mestilah diberikan makanan yang mengandungi protein, lemak, karbohidrat, air, garam galian, vitamin, perisa dan rempah. Semua unsur itu boleh diperolehi daripada daging, ikan, telur, buah-buahan, sayur, ubi kentang, bijirin, gandum, beras, susu, mentega dan magerin. Manakala minuman pula hendaklah dihindarkan daripada minuman yang beralkohol. Pakaian dan tempat tinggal apabila diguna dan dibangunkan dengan betul sangat berguna kepada kehidupan insan. Kelengkapan itu bertujuan untuk melindungi manusia

1. Husayn Najm al-Dīn, al-Hājāt al-Asāsiyyah fī Buldān al-'Ālam al-Thālith, Jāmi'ah al-Zaqāziq, Kaherah, 1984, halaman 5.
2. Muḥammad Wafiq Abū Atlah, Mawsu'ah Huḡūg al-Insān, al-Jam'iyah al-Masriyyah Lil al-Iqtisād al-Siyasī wa al-Iḥṣā' wa al-Tasyrī', Kaherah, 1970, halaman 340-443.

daripada cuaca, angin, kecederaan dan menjadi perhiasan. Al-Juwaynī (m. 478H) membuat kesimpulan: "Keperluan asas manusia meliputi makanan, pakaian, penginapan dan perubatan.¹ Kesemua keperluan tersebut dapat diperolehi dengan membeli daripada duit hasil pendapatan mereka. Oleh itu, perbelanjaan tersebut patut mendapat kebebasan taksiran nisāb.

NAFKAH DIRI DAN TANGGUNGAN TIDAK DIKIRA SEBAGAI NISĀB

Sistem "Penyata Pendapatan" pada setiap akhir tahun (hawl) telah dilakukan oleh Khalifah 'Uthmān b. 'Affān (m. 35H).² Penyata itu menerangkan punca pendapatan dan perbelanjaan. Pendapatan yang melebihi keperluan asas seperti makanan, minuman, tempat tinggal, perubatan, pendidikan dan keperluan keprofesionalan diberikan pelepasan zakat. Kadar pengecualian itu tidak ditentukan kerana keperluan manusia sentiasa berubah-ubah. Di Malaysia kadar pelepasan (potongan atau rebat) yang dibenarkan oleh kerajaan bernilai RM4,000

-
1. Al-Juwaynī, al-Ghiyāthī, II, ed. 'Abd al-'Azīm al-Dyḍ, al-Syu'un al-Diniyyah, Qaṭar, 1400H, halaman 479-486 dan 511.
 2. Al-San'ānī, IV, op. cit., halaman 92-93; Ibn Abī Syaybah, II, op. cit., halaman 414; dan Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 177.

satu tahun.¹

Selain daripada keperluan diri sebagaimana yang tersebut di atas, sewajarnya ditambah satu lagi keperluan yang diberikan pelepasan zakat dan cukai, iaitu mas kahwin. Persoalan Mahar (mas kahwin)² hanya timbul bagi seorang bujang yang merancang berumahtangga. Pelepasan itu sekurang-kurangnya diberikan sekali seumur hidup. Mahar merupakan satu tuntutan yang disyaratkan dalam perkahwinan. Al-Qur'ān menyebutkan dengan istilah Ujūr, Nihlah, Qintar dan Sadaq. Firman Allāh s.w.t. bermaksud:

"Berikan kepada perempuan yang kamu kahwini mas kahwin sebagai pemberian wajib".³

"Dan dihalalkan bagi kamu berkahwin perempuan lain (bukan isteri orang) dengan harta kamu secara bernikah bukan secara zina. Kemudian

1. Malaysia, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Nota Penerangan Untuk Borang BE 10 (g), halaman 3; dan lihat Akta Cukai Pendapatan 1967, (Bil. 30, 1967), seksyen 46(a).
2. Maskahwin ialah sesuatu pemberian wajib kepada seorang wanita kerana akad perkahwinan, sama ada berbentuk barang atau manfaat, dengan kadar yang tidak ditetapkan. Berdasarkan kepada ayat 50, Surah al-Ahzāb (33), maskahwin tidak wajib bagi Rasūl Allāh. "Dan Kami (Allāh) menghalalkan bagi Muḥammad s.`a.w. mana-mana perempuan yang beriman menawarkan dirinya dikahwini oleh nabi dengan tidak bermaskahwin jikalau nabi suka dengannya, khusus untuk kamu semata-mata, bukan kepada orang umum".
3. Q., al-Nisā` (4) : 4.

perempuan yang telah kamu kahwini maka berikanlah kepada isteri kamu itu mas kahwin yang sempurna sebagaimana yang diwajibkan oleh Allah".¹

"Berkahwinlah perempuan-perempuan dengan izin walinya serta berikah kepada mereka mas kahwin menurut yang patut".²

Sistem zakat dan cukai di Malaysia tidak memperuntukkan potongan terhadap belanja mas kahwin, sedangkan berumahtangga itu dituntut oleh Islam dan menjadi keperluan semulajadi naluri manusia.³ Ibn Rusyd menyatakan bahawa maksimum mahar tidak ditentukan hadnya. Manakala had minimumnya, kebanyakan fuqaha' berbeza pendapat.⁴ Berdasarkan kepada Hadith Sahih b. Sa'd al-Sa'idi (m. 88H) bahawa Rasūl Allāh s.'a.w. mengharuskan mas kahwin terdiri daripada barangan dan perkhidmatan (manfaat) yang berharga dan bernilai. Mahar boleh

1. Q., al-Nisā' (4) : 24.

2. Ibid., ayat 25.

3. Ibid., ayat 3.

4. Ibn Rusyd, Bidāyat al-Mujtahid, II, Maktabah al-Kulliyyah al-Azhariyyah, Kaherah, 1969, t.t., halaman 20.

berbentuk makanan,¹ wang,² pakaian,³ kepakaran⁴ atau penga-

-
1. Jābir berkata, Rasūl Allāh ṣ. 'a.w. bersabda: "Jika seorang suami memberikan dua genggam makanan kepada isterinya sebagai mas kahwin, sesungguhnya pemberian itu telah menghalalkan pasangan itu". Lihat Abū Da'ud, II, op. cit., halaman 236.
 2. Anas b. Mālik berkata: "Bahawa Rasūl Allāh melihat bekas kekuningan (za'farān) pada diri 'Abd al-Rahman b. 'Awf, lalu Rasul Allāh bertanya: "Apa ini?"
Jawab 'Abd al-Rahmān;
"Aku baru sahaja melangsungkan perkahwinan dengan lima (5) dirham (nuwat)".
Sabda baginda;
"Allah memberkati! Walimahkanlah sunnah ku ini walaupun dengan seekor kambing?". Lihat Mālik b. Anas, op. cit., halaman 235-236.
 3. 'Amīr b. Rabī'ah menceritakan bahawa seorang wanita bani Fazarah menerima pemberian maskahwin berbentuk sepasang kasut. Wanita itu ditanya oleh Baginda: "Adakah kamu merelakan mas kahwin itu?"
Jawab wanita itu:
"Ya! saya merelakannya".
Lihat Ibn Mājah, II, op. cit., halaman 608; dan al-Tirmidhī, II, op. cit., halaman 290.
 4. "Sesungguhnya Rasūl Allāh ditemui seorang wanita yang menawarkan dirinya diperisterikan. Wanita itu terlalu lama menunggu jawapan baginda. Tiba-tiba seorang jejaka menyuruh baginda mengawinkan dengan dirinya jika baginda menolak lamaran itu.
Sabda Nabi: "Apakah kamu mempunyai sesuatu barang yang boleh dijadikan maskahwin?
Jawab jejaka: "Saya memiliki sehelai kain".
Kata baginda: "Kalau kain itu kamu jadikan maskahwin tentu kamu akan bertelanjang? Carilah yang lain?
Jawab jejaka: "Aku tidak berupaya mendapatkan yang lain".
Sabda Rasūl Allāh lagi: "Carilah, walaupun sebetuk cincin daripada besi?" Tetapi jejaka itu tidak berjaya mencarinya.
Rasul Allāh bertanya kepada jejaka itu: "Apakah

kuan (syahadah), sebagaimana pengakuan keIslaman Ṭalḥah (m. 34H) bagi memperisterikan Ummu Salim (m. 33H),¹ pembebasan,² dan lain-lain pemberian yang halal.³

Pada suatu hari Kahlifah 'Umar b. al-Khaṭṭāb menca-
dangkan penghadan jumlah minimum mas kahwin sebanyak 400
dirham sahaja (12 awqiyah).⁴ Cadangan itu dibantah oleh kaum

...Continued...

kamu hafaz sedikit daripada surah-surah al-Qur'ān?"
Jejaka itu menjawab: "Sudah tentu saya hafaz be-
berapa surah al-Qur'ān".

Akhirnya Rasūl Allāh bersabda: "Kalau begitu kamu
aku nikahkan dengan maskahwin Surah al-Qur'ān yang
kamu hafaz itu". Lihat Mālik b. Anas, op., cit.,
halaman 325-326; al-Ṣan'ānī, VI, op., cit., halaman
77; Abū Da'ud, op., cit., halaman 236; Ibn Mājah,
I, op., cit., halaman 608; al-Tirmidhī, II, op.,
cit., halaman 290; dan al-Nasā'ī, VI, op., cit.,
halaman 93.

1. Anas berkata: "Abū Ṭalḥah melamar Ummu Salim,
sedangkan Abū Ṭalḥah seorang kafir manakala Ummu
Salim seorang muslim, haram kahwin. Tetapi kalau
kamu memeluk Islam aku rela keIslaman itu menjadi
mas kahwin". Lihat al-Nasā'ī, VI, op. cit., halaman
93.
2. Al-Nasā'ī, VI, op. cit., halaman 94; dan al-Tir-
midhī, op. cit., halaman 91.
3. Ibn Abī Syaybah, III, op. cit., halaman 492-494.
4. Ibid., halaman 493; dan al-Khurasānī, Musnad Sa'īd
b. Mansūr, I, Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut,
1985, halaman 167.

wanita Qurisyh.¹ Katanya, "Tidakkah anda mendengar Allah berfirman maksudnya, "Dan jika kamu hendak beristeri lagi setelah diceraikan isteri yang lama dimana kamu berikan kepadanya mas kahwin qintār yang banyak, maka jangan kamu mengambil sedikit pun dari pemberian itu. Wajarkah kamu mengambil dengan cara yang salah? sudah pasti kamu akan menanggung dosa".² Akhirnya 'Umar al-Khaṭṭāb membatalkan cadangan tersebut serta beliau membuat pengumuman, "Aku cuba mencadangkan belanja mas kahwin tidak melebihi 400 dirham kepada orang ramai tetapi terdapat dikalangan yang lebih mengetahui hukum (afqah) daripada aku. Oleh itu aku bersetuju bahawa mas kahwin harus diberikan mengikut kehendak dan kemampuan kamu semua".³

Perbezaan pandangan antara 'Umar al-Khaṭṭāb dengan wanita itu adalah berpunca daripada kalimah al-Qintār yang

-
1. Ibn Kathīr, Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm, I, Isā al-Halabī, Kaherah, t.t., halaman 466; dan al-Khurasānī, op. cit., halaman 167.
 2. Q., al-Nisā' (4) : 20.
 3. Ibn Kathīr, 1, op. cit., halaman 467.

terdapat pada tiga tempat di dalam al-Qur'ān.¹ Mengikut pendapat setengah ahli tafsir, kalimah itu ditafsirkan kepada berbagai nama untuk nilai⁴ lazimnya disebut dengan sebutan "awqiyah, dinar dan dirham". Penilaian yang terendah ialah 1,200 dirham dan tertinggi ialah 1,000 dinar,²

1. Ayat al-Qur'ān itu bermaksud: "Naluri (nafsu) manusia suka kepada wanita dan anak pinak, harta kekayaan yang melimpah-limpah (al-Qanatir al-Mugantarah), emas dan perak, kuda tunggangan yang berjenama dan terlatih, haiwan ternakan dan kebun. Semuanya itu kemewahan dunia dan ingatlah di sisi Allah terdapat tempat kembali yang terbaik (syurga)". Lihat Q., Ali 'Imrān (3) : 14; FirmanNya lagi: "Dan di antara ahli Kitab terdapat yang berla-ku amanah apabila kamu menyerahkan simpanan harta yang banyak (Qintar) mereka akan memulangkannya dengan secukupnya, dan ada pula di antara mereka tidak berlaku amanah apabila kamu menyerahkan walaupun satu dinar, mereka tidak akan memulangkan kepada kamu kecuali setelah dituntut berkali-kali". Lihat Q., Ali 'Imrān (3) : 75; dan seterusnya Allah berfirman: "Dan jika kamu hendak beristeri lagi setelah diceraikan isteri yang lama, dimana kamu berikan kepadanya mas kahwin (Qintar) yang banyak, maka jangan kamu mengambil dengan cara yang salah. Sudah pasti kamu akan menanggung dosa". Lihat Q., al-Nisā' (4) : 20.
2. Jika harga dirham dan dinar di atas dinilai kepada RM, bermakna 200 dirham = RM3,000 atau 20 dinar = RM3,000, maka:

$$\frac{1200 \text{ dirham} \times \text{RM } 2000}{200 \text{ dirham}} = \text{RM}18,000$$

$$\frac{1000 \text{ dinar} \times \text{RM}3,000}{20 \text{ dinar}} = \text{RM}150,000$$

malah terdapat yang mentafsirkan mas kahwin boleh sampai ketahap sebesar bukit Thūr.¹

Berdasarkan penjelasan di atas, Rasūl Allāh ṣ. 'a.w. tidak pernah menetapkan jumlah maksimum barangan, perkhidmatan dan manfaat atau jasa yang menjadi isi mas kahwin. Ini bermakna baginda memberikan kelonggaran kepada orang yang kaya dan orang miskin menentukan kadarnya secara bermusyawarah antara kedua belah pihak. Walau bagaimana pun baginda pernah mewalikan perkahwinan Ummu Ḥabībah bint Abī Sufyān bint Ḥarb (m. 45H) (janda 'Ubayd Allāh b. Jahsy) dengan pasangannya berbagsa al-Najasyi bermas kahwinkan sebanyak 4,000 dirham (400 dinar).² Baginda sendiri menyerahkan mas kahwin sebanyak 400 dirham semasa memperisterikan 'Ā'isyah bint Abu Bakr (m. 58H)³ dan Maymūnah bint al-Ḥārith (m.

-
1. Al-Tabarī, al-Tibyān fi Tafsīr al-Qur'ān, II, Dār al-Turāth al-'Arabi, Kaherah, t. t., halaman 411; al-Tūsī, Jāmi' al-Bayān, III, Dār al-Fikr, Beirut, 1984, halaman 199-202; dan Ibn Kathīr, op. cit., halaman 351-352.
 2. Ibn Hisyām, I, op. cit., halaman 230; Ibn Abī Syaybah, III, op. cit., halaman 494; dan al-Nasā'ī, op. cit., halaman 86.
 3. Muhy al-Dīn al-Mays, Syarḥ Musnad Abī Ḥanīfah, Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut, 1985, halaman 465; dan al-Nasā'ī, II, op. cit., halaman 87.

51H).¹ Menurut riwayat dari 'Ā'isyah, semua isteri Nabi Muḥammad ṣ. 'a.w. menerima mas kahwin sebanyak 500 dirham (12 awqiyah dan setengah nasy).² Mas kahwin yang sederhana kadarnya sangat sesuai dan paling digalakkan. Langkah tersebut boleh menggalakkan perkahwinan pada peringkat umur yang munasabah. Selain daripada itu langkah ini juga dapat memenuhi tuntutan naluri seks secara sah dan dapat mempercepatkan lagi pertumbuhan umat serta dapat membendung tabiat "benci kepada perkahwinan" (tabattul)³ yang boleh membawa kepada budaya kerahiban (kepaderian) yang diamalkan dalam syari'at Naṣrānī. Selain daripada itu, mas kahwin yang terlalu tinggi boleh mendorong kepada melakukan perbuatan al-khiṣā' (kasi) yang diharamkan oleh Islam.⁴ 'Ā'isyah (m. 58H) pernah menyebutkan bahawa Nabi Muḥammad ṣ. 'a.w. bersabda,

1. Ibn Hisyām, III, op. cit., halaman 275.
2. Ibn Abī Syaybah, III, op. cit., halaman 493; Ibn Mājah op. cit., halaman 607; dan al-Nasā'ī, II, op. cit., halaman 87.
3. Tidak bernafsu kepada wanita semata-mata hendak menumpukan kepada ibadat atau kecewa dengan sikap wanita kerana sukar mendapat jodoh atau tidak berpeluang membawa isteri dalam masa perang dan musafir maka mereka mengambil sikap anti kahwin dan terus hidup membujang. Lihat al-Syawkānī, Nayl al-Awtār, IV, op. cit., halaman 230.
4. Abū Mūsā dan Abū Imamah berkata, bahawa Rasūl Allāh ṣ. 'a.w. bersabda: "Berkahwinlah kamu (jangan hidup membujang) kerana aku bangga dengan umat ku yang ramai dan jangan seperti rahib Naṣrānī". Lihat Abū Hanīfah, op. cit., halaman 278.

"Sebaik-baik perkahwinan yang diberkati adalah perkahwinan yang mengenakan mas kahwin yang sederhana".¹ Oleh itu, kadar mas kahwin yang diberikan oleh pengantin lelaki kepada bakal isterinya wajar diberikan pelepasan zakat dan cukai. Kadar yang layak diberikan pelepasan buat masa ini ialah RM4,000, iaitu kadar yang sesuai dengan keperluan ekonomi sekarang dan setanding dengan mas kahwin Nabi kepada 'Ā'isyah bint Abu Bakr dan Maymūnah bint al-Hārith, juga mas kahwin kepada puteri-puteri baginda sendiri.² Kadar ini sebaik-baiknya sentiasa dikaji dan disusun semula. Sesungguhnya kewajipan mas kahwin melambangkan seorang suami bertanggungjawab memberikan saraan kepada isteri semenjak permulaan ijab dan kabul perkahwinan mereka. Sehingga sekarang memang belum wujud cadangan daripada mana-mana pihak atau dari Jabatan Agama Islam yang memperuntukkan peraturan mas kahwin diberikan potongan taksiran zakat. Sebaik-baiknya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur patut membuat peraturan mas kahwin dalam peraturan zakatnya mendapat pengecualian zakat.

NAFKAH KEPADA ISTERI MENDAPAT POTONGAN KIRAAN NISĀB

Kewajipan memberi saraan hidup (nafkah) kepada orang

1. Ibn Abī Syaybah, III, op. cit., halaman 493.
2. Ibid.

lain adalah disebabkan tiga faktor, iaitu faktor perkahwinan, faktor pemilikan dan faktor kekeluargaan.¹ Oleh sebab itu, seorang suami berkewajipan memberikan saraan makanan, minuman, pakaian, tempat kediaman dan pembantu, jika berkemampuan secukupnya kepada isteri disebabkan ikatan perkahwinan. Saraan itu diberikan selama isteri tetap taat dan menjadi suri rumahtangga sepenuh masa (al-habs).² Saraan tersebut merangkumi isteri yang sedang dalam masa 'iddah

1. Al-Sarakhsī, V, op. cit., halaman 180.
2. Ayat itu bermaksud: "Dan Bapa (suami) berkewajipan memberi saraan makan dan pakaian kepada ibu (isteri) menurut yang sepatutnya". Lihat Q., al-Baqarah (2) : 34; FirmanNya lagi: "Tempatkan isteri kamu di mana kamu tinggal menurut kemampuan kamu". Lihat Q., al-Talāq (65) : 6; "Maka isteri yang baik itu ialah yang taat kepada Allah, suami dan menjaga kehormatan diri semasa ketiadaan suami dengan peliharaan dan pertolongan Allah. Dan isteri yang kamu bimbang melakukan nusyūz (darhaka) kepada suami hendaklah dinasihati. Jika masih berdegil, jauhilah tempat seketidurannya, jika masih tetap berdegil pukul dengan bijaksana. Jika mereka taat maka jangan kamu cuba menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi Lagi Maha Besar kekuasaanNya". Lihat Q., al-Baqarah (2) : 233. Dalam sebuah Hadīth Rasul Allah bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar bahawa baginda bersabda: "Semua manusia adalah bertanggungjawab. Raja bertanggungjawab kepada rakyat, dia akan ditanya. Suami bertanggungjawab kepada keluarga, dia akan ditanya. Isteri bertanggungjawab sebagai surirumahtangga kepada suami dan anak, dia akan ditanya". Lihat Abu 'Ubayd, op. cit., halaman 9; dan Ibn Abi Syaybah, VI, op. cit., halaman 170.

perceriaan¹, saraan ḥadānah (penjagaan anak), susuan dan saraan bayi itu kepada isteri yang telah tamat tempoh 'iddah, sama ada bayi dijaga oleh ibunya atau orang lain.² Rasūl Allāh bersabda, "Setiap belanja (nafkah) yang diberikan kepada seseorang atau belanja suami kepada isterinya walau pun sedikit tetapi berniat kerana Allāh tetap akan diberi ganjaran".³ Mengikut al-Imām al-Syāfi'ī, ayat 50, Surah al-Aḥzāb (33),⁴ al-Nisā' (4) : 19⁵ dan 34⁶ dan al-

1. Firman Allāh itu bermaksud: "Tempatkan isteri yang sedang menjalani tempoh 'iddah mengikut kemampuan kamu dan jangan kamu ada-adakan sesuatu yang menyakiti dan menyusahkan mereka agar mereka keluar dari tempat tinggal itu. Dan jika mereka mengandung berikan kepadanya saraan sehingga bersalin. Dan jika mereka menyusukan anak daripada kamu maka berikan upah susuan itu dan berundinglah di antara kamu jika kamu dalam hal penyusuan dengan cara yang baik. Jika kamu berdua berkesulitan berikanlah susuan itu kepada orang lain". Lihat Q., al-Ṭalāq (65) : 6.
2. Q., al-Ṭalāq (65) : 6.
3. Abū Ḥanīfah, op. cit., halaman 326.
4. "Sesungguhnya Kami telah mengetahui akan segala yang Kami wajibkan kepada seorang mukmin (suami) mengenai isteri-isteri mereka".
5. "Bergaullah kamu dengan isteri kamu dengan cara yang baik (termasuk pemberian saraan material)".
6. "Kaum lelaki itu (suami) adalah pemimpin dan pengawal (nafkah) yang bertanggungjawab terhadap kaum wanita (isteri)".

Surah al-Aḥzāb (33),¹ al-Nisā' (4) : 19² dan 34³ dan al-Baqarah (2) : 228⁴ menjadi dalil yang mewajibkan suami memberi saraan kepada isteri secukupnya.⁵

Suami yang tidak menunaikan tanggungjawab saraan kepada isteri atau jika suami seorang yang kedekut, iaitu memberikan saraan tetapi tidak mencukupi sedangkan mereka berkemampuan, isteri boleh menuntut hak mereka melalui perintah mahkamah. Isteri juga dibenarkan mengambil harta suaminya, walaupun diluar pengetahannya. Pada suatu hari Hind (m. 59) (isteri Abū Sufyān b. Ḥarb (m. 14H), seorang suami yang terlalu kedekut), mengadu kepada Rasūl Allāh ṣ. 'a.w. mengenai perbelanjaan diri dan anaknya yang tidak mencukupi,

1. "Sesungguhnya Kami telah mengetahui akan segala yang Kami wajibkan kepada seorang mukmin (suami) mengenai isteri-isteri mereka".
2. "Bergaullah kamu dengan isteri kamu dengan cara yang baik (termasuk pemberian saraan material)".
3. "Kaum lelaki itu (suami) adalah pemimpin dan pengawal (nafkah) yang bertanggungjawab terhadap kaum wanita (isteri)".
4. "Dan isteri itu mempunyai hak yang sama seperti yang ditanggung oleh suaminya dengan secara patut dan tidak terlarang oleh syarak. Seorang suami mempunyai kelebihan satu darjah daripada isterinya kerana suami berkewajipan memberi saraan. Ingatlah Allāh Maha Berkuasa Lagi Bijaksana".
5. Al-Syāfi'ī, al-Umm, V, op. cit., halaman 86.

katanya: "Ya Rasūl Allāh, suami aku seorang yang bakhil, dia memberikan saraan pada aku dan anaknya tidak memadai kecuali aku mengambil hartanya diluar pengetahuannya. Adakah perbuatan aku itu berdosa? Jawab baginda: "Ambillah harta suami kamu bagi menyara diri kamu dan anak kamu secukupnya dengan cara yang ma'rūf (bijaksana)".¹ Dalam sebuah Ḥadīth yang lain, Abū Hurayrah (m. 67H) meriwayatkan sebuah Ḥadīth daripada Rasūl Allāh mengenai kes suami yang tidak memberikan perbelanjaan hariannya dengan memberikan kata dua. Katanya: "Berkata seorang isteri, "Sama ada aku diberikan saraan atau aku dibebaskan (diceraikan)". Ḥadīth tersebut memberikan tiga pilihan di dalam persoalan saraan. Pertama, suami yang tidak berkemampuan menyara isteri lebih baik bercerai. Kedua, isteri wajar bersabar dan saraan yang tertanggung dikira sebagai hutang dan ketiga isteri seharusnya reda dengan kesempitan suami sehingga Allāh memberikan kelapangan.² Oleh itu, krisis yang melanda rumahtangga yang berpunca daripada persoalan saraan seharusnya merujuk kepada Ḥadīth di atas supaya penyelesaiannya menepati keadilan kedua belah pihak. Kemungkinan juga jika nafkah itu diberi potongan zakat dan taksiran cukai yang berkuatkuasa sekarang

1. Al-Syāfi'ī, op. cit., halaman 87.
2. Ibn Abī Syaybah, VI, op. cit., halaman 169; dan al-'Aynī, XVII., op. cit., halaman 115.

dinaikkan lagi jumlah saraan kepada isteri, mudah-mudahan kes melarikan tanggungjawab nafkah dapat diatasi.

Kadar saraan yang berpatutan bagi keluarga yang berpendapatan sederhana pada pendapat al-Imām Syāfi'ī (m. 204H) ialah sebanyak 1 1/2 (satu setengah) mud (cupak) sehari. Manakala bagi mereka yang berpendapatan tinggi, diberi saraan dua cupak dan kepada mereka yang berpendapatan rendah, saraannya satu cupak sahaja.¹ Jika saraan itu dinilai ke dalam dirham ia bernilai 4-5 dirham sebulan² (RM40-50). Belanja pakaian dalam masa satu tahun atau dua kali musim, iaitu sejuk dan panas bagi negeri yang bermusim dua kali setahun sebanyak 8-9 dirham (RM80-90).³

Apakah pelepasan cukai dan zakat⁴ yang dikuatkuasakan di Malaysia sekarang itu memadai? Isteri mendapat saraan sebanyak RM3,000 setahun, termasuk juga bayaran yang dikenakan ke atas suami kerana pembubaran perkahwinan atas perin-

1. Al-Syāfi'ī, al-Um. V, op. cit., halaman 89.
2. Al-Sarakhsī, V, op. cit., halaman 182.
3. Ibid., halaman 183.
4. Mengikut tinjauan penulis belum ada sebuah negeri pun yang melaksanakan potongan nafkah kepada isteri dan anak-anak diberi pelepasan zakat.

tah mahkamah, adat atau suratikatan yang tidak melebihi RM3,000.¹ Berkemungkinan jumlah itu berpatutan bagi mereka yang berpendapatan sederhana serta mengamalkan cara hidup yang mudah.² Adalah wajar jika pelepasan itu ditingkatkan sehingga 30%-40% kerana perbelajaan sara hidup rumahtangga sekarang sudah meningkat terlalu tinggi. Selain itu ia juga memberikan keringanan kepada penzakat dan pencukai yang bergaji kecil.

Sekarang mula muncul persoalan "pembantu rumah" (khādim) terutama kepada isteri yang bekerja. Adakah suami wajib menyediakan seorang pembantu kepada isteri? Mengikut pendapat al-Tabarī, isteri yang sihat dan berupaya sepatutnya menjadi surirumahtangga sepenuhnya, suami tidak wajib menyediakan pembantu. Kerja kesurian wajib dilakukan oleh isteri. Pada satu masa, Fāṭimah bint Muḥammad s. 'a.w. (m. 11H) (puteri Nabi) mengadu kepada baginda bahawa suaminya ('Alī b. Abī Ṭālib) tidak menyediakan pembantu rumah. Aduan puterinya itu tidak dilayan kerana Nabi tidak menyuruh 'Alī

-
1. Malaysia, Akta Cukai Pendapatan 1967, (Bil. 30, tahun 1967), seksyen, 47 (1), (2) dan (3).
 2. Dianggarkan RM166.6 sebulan (RM5.55 satu hari) bagi nafkah isteri, untuk membiayai makan, pakaian serta perubatan.

mencari pembantu untuk membantu isterinya.¹ Al-Imām Mālik berpendapat, seorang isteri secara automatik menjadi suri rumahtangga walaupun berkedudukan tinggi.² Oleh sebab itu, jika suami tidak wajib menyediakan pembantu, sebaik-baiknya, seorang suami wajar memberi sepenuh bantuan (mu'nah) untuk isteri menjalankan kerja-kerja rumahtangga. 'Ā'isyah (m. 58H), isteri Rasūl Allāh apabila ditanya mengenai kerja-kerja baginda semasa di rumah, 'Ā'isyah menjawab: "Baginda berkhidmat kepada keluarga dan apabila terdengar azan (bang menunjukkan masuk waktu sembahyang fardu) baginda keluar menunaikan sembahyang berjamaah di masjid.³ Dengan itu, apabila suami terpaksa menggaji seorang pembantu rumah, seharusnya ia mendapat potongan cukai dan zakat kerana suami menanggung saraan pembantu, yang merupakan keperluan asas pada masa ini. Kadar yang perlu dipertimbangkan adalah di antara RM2,000-3,000 setahun. Potongan ini dapat meringankan beban terutama kepada mereka yang bergaji kecil dan sederhana. Dengan potongan itu sistem zakat yang wujud sekarang secara langsung dapat membantu membangunkan institusi keluarga dan masyarakat penyayang.

1. Al-'Aynī, XVII, op. cit., halaman 124.
2. Ibid.
3. Ibid.

NAFKAH KEPADA KELUARGA MENDAPAT POTONGAN NISĀB

Kehidupan pada zaman moden ini semakin bertambah kompleks. Keperluan hidup yang mesti ditampung semakin meningkat dan bertambah-tambah. Persoalan yang tidak putus-putus ditanyakan ialah: "Adakah memberi belanja atau saraan kepada keturunan (al-qarābah) wajib".¹ Keturunan itu disebabkan oleh salah satu daripada tiga faktor berikut; furū', iaitu anak beranak sehingga ke bawah, asl, iaitu ibu bapa sehingga ke atas dan dhawu al-Arḥām, iaitu adik beradik ke bawah.² Mengikut al-Imām al-Syāfi'ī (m. 204H), keutamaan saraan diberikan kepada isteri, anak, ibu bapa dan adik beradik.³

Saraan yang ditanggung itu tidak boleh dibayar dengan nilai wang ringgit, ia wajib dijelaskan dengan barangan

-
1. Ibn Abī Syaybah, IV, op. cit., halaman 186.
 2. Persoalan ini tersebut di dalam al-Qur'ān yang bermaksud:
"Meraka bertanya kepada Nabi Muhammad, apakah yang mereka akan belanjakan daripada harta mereka dan kepada siapa? Katakan kepada mereka berikan harta yang halal kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim, orang miskin, orang yang terlantar di perjalanan dan belanjakan juga pada perkara-perkara kebajikan. Sebenarnya Allah mengetahui setiap yang kamu belanjakan". Lihat Q., al-Baqarah (2) : 215.
 3. Al-Syāfi'ī, V, op. cit., halaman 87.

keperluan secara mutlak.¹ Pada zaman serba maju kini, perkara ini sangat menyukarkan kerana ia boleh menimbulkan kesulitan. Bagi memudahkan saraan sampai kepada yang berhak pada masa dan ketika yang diperlukan, sistem saraan dengan bayaran secara nilai wang mesti dikekalkan dan diperkemaskan lagi. 'Umar b. al-Khaṭṭāb (m. 23H) dan al-Zuhri (m. 124H) meriwayatkan sebuah Ḥadīth, bahawa Rasūl Allāh ṣ.'a.w. pada satu masa menjual hasil tamar di perkampungan Banī al-Nadīr. Wang jualan itu sebahagiannya disimpan (Iddikhār) oleh Nabi untuk saraan isterinya selama masa satu tahun dan yang lainnya dibelanjakan untuk membiayai peralatan perang.² Tindakan baginda itu menunjukkan bahawa saraan boleh ditaksir dengan nilai matawang. Menyimpan dalam bentuk zat harta terlalu sukar dan tidak ekonomik, membazirkan ruang dan waktu, berkemungkinan juga barang itu tidak tahan disimpan. Pada peringkat awal, konsep menyimpan itu disifatkan sebagai perbuatan menyorok (Ihtikār). Abū 'Ubayd (m. 224) menyangkal kekeliruan yang ditimbulkan oleh golongan tasawwuf yang berpendapat, konsep menyimpan hari ini untuk hari esok adalah seburuk-buruk amalan seorang muslim kerana mereka

1. Ibid., halaman 89.

2. Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 11; dan al-'Aynī, XVII., op. cit., halaman 118.

tidak menghayati konsep tawakkal.¹ Sebenarnya tidak dianggap berihtikār kalau untuk keperluan keluarga sebagaimana yang dilakukan oleh Rasūl Allāh s.`a.w.

Sistem cukai dan zakat di Malaysia tidak memperuntukkan kewajipan menyara secara khusus kepada ibu bapa dan adik beradik. Saraan yang diberikan pelepasan cukai hanya kepada diri sendiri, isteri dan anak-anak sahaja. Anak² yang belum berkahwin atau yang berumur di bawah 16 tahun atau anak yang sedang belajar atau anak yang hilang upaya secara automatik menjadi tanggungan ayah memberikan saraan hidup. Pelepasan cukai hanya dihadkan kepada lima orang anak yang bernilai RM800 setiap seorang setahun.³ Malangnya dalam sistem zakat pula, tidak memperuntukkan undang-undang atau peraturan yang membenarkan saraan kepada keluarga boleh dipotong daripada taksiran zakat. Sedangkan mengikut hukum Islam tanggungan

1. Abū `Ubayd., op. cit., halaman 11.
2. Di sini bererti, anak seorang anak sahtaraf atau anak angkat yang disahkan oleh undang-undang. Lihat Malaysia, Akta Cukai Pendapatan 1967, (Bil. 30, tahun 1967), seksyen 48 (9).
3. Lihat Akta Cukai Pendapatan 1967, op. cit., seksyen 48 (2)(a). Tetapi mulai taksiran tahun 1995 tanggungan anak yang mendapat pelepasan cukai dicadangkan tidak terhad kepada lima orang sahaja. Belanjawan 1995. Sedutan ucapan Timbalan Perdana Menteri merangkap menteri Kewangan Malaysia di Dewan Rakyat pada 28hb. Oktober 1994.

bapa kepada anak tidak dihadkan kepada lima orang sahaja. Mengikut al-'Aynī (m. 885H), kanak-kanak (tidak dihadkan bilangan) yang belum baligh wajib diberi saraan oleh bapanya, begitu juga seorang yang telah baligh tetapi tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri masih juga ditanggung oleh bapa atau sehingga bersuami bagi seorang perempuan.¹

Walaupun kadar potongan saraan kepada ibu bapa dan adik beradik tidak diberikan dengan nyata tetapi secara tidak langsung ia diberikan pertimbangan dengan wajar. Kadar yang diberikan kepada ibu bapa sebanyak RM1,000 sebagai belanja perubatan boleh dibuktikan dengan resit asal. Selain daripada bantuan belanja perubatan, secara tidak langsung ibu bapa yang hilang upaya juga mendapat potongan belanja alat sokongan asas tidak melebihi RM3,000 setahun. Sepatutnya bantuan itu diberikan secara mutlak bagi membuktikan ketaqwaan dan kasih sayang mereka kepada ibu bapa. Dalam sistem zakat bantuan kepada ibu bapa adalah wajib dan kadar bantuan tetap itu dibebaskan daripada zakat. Buat masa ini kadar bantuan yang berpatutan adalah RM2,000 setahun. Manakala bantuan kepada adik beradik (saudara tanggungan) diperuntukkan sebanyak RM1,000 yang dijumlahkan dengan saraan diri pemba-

1. Al-'Aynī, XVII., op. cit., halaman 115.

yar sebanyak RM5,000¹ boleh juga diterima pada peringkat ini.

Kewajian memberi saraan kepada keluarga harus diberikan perhatian yang bersungguh-sungguh kerana ia merupakan pemberian yang dituntut oleh agama, moral dan adat, tidak hanya berdasarkan kasih sayang dan keperluan semata-mata. Oleh sebab itu, zakat tidak dibenarkan teragih kepada ibu bapa, anak dan keluarga terdekat. Mengenai kadar saraan, ia boleh diputuskan melalui kerelaan pihak terbabit, undang-undang atau adat. Sebaik-baiknya kadar tersebut perlu disemak setiap masa.

BEBANAN HUTANG TIDAK TERMASUK KIRAAN NISĀB

Naluri manusia tidak terbatas keinginannya sehinggalah menemui ajal. Sebenarnya nikmat dan rezeki yang dikurniakan Allāh sudah tidak terhitung banyaknya, namun kemahuan manusia secara peribadi itu tidak pernah surut. Bagi melayani keinginan itu, syari'ah Islam mengharuskan amalan "pinjam meminjam" (berhutang). Rasūl Allāh s. 'a.w. berpesan kepada orang yang gemar berhutang supaya sentiasa beringat agar amalan berhutang itu tidak membelenggu kehidupan mereka.

1. Malaysia, Akta Cukai Pendapatan, 1967, (Bil. 30 Tahun 1967), seksyen 46(a)(b).

Oleh itu, berbelanjalah secara bijaksana dan adil. Nabi Muhammad s. 'a.w. bersabda yang bermaksud; "Tangan yang memberi itu lebih mulia daripada tangan yang menerima".¹

Persoalan pokok mengenai harta hutang ini ialah: Siapa-kah yang berkewajipan mengeluarkan zakat? Adakah si piutang atau si berhutang? Adakah zakat diwajibkan kepada keduanya? Atau adakah zakat dibebaskan kerana taraf pemilikan tidak nyata; atau harta itu dikategorikan sebagai harta pengguna; atau harta itu telah menjadi milik orang lain, bukan ditangan pemilik sebenar?

Permasalahan di atas timbul disebabkan beberapa tanggapan mengenai hutang itu sendiri:

1. Adakah si berhutang itu sebagai pemilik sebenar dan dalam waktu yang sama, adakah dia terdiri dari-mampu pada orang kaya, yang menampung keperluan asas yang dijadikan syarat wajib zakat?
2. Adakah zakat itu ibadat atau hak fakir miskin?
3. Adakah hutang itu pinjaman terjamin atau pinjaman tidak terjamin?

Kata Abū 'Ubayd (m. 224H), sekurang-kurangnya ada lima

-
1. Ibn Abī Syaybah, II, op. cit., halaman 427.

jawapan terhadap pertanyaan di atas:

1. Disegerakan zakat bersama dengan harta yang ada jika si berhutang itu kaya;
2. Wajib zakat jika si berhutang memulangkan hutangnya manakala tahun yang tertinggal diwajibkan qada' (ganti);
3. Tidak wajib zakat tahun yang tertangguh hanya wajib zakat tahun pertama sahaja;
4. Wajib zakat kepada si berhutang dan tidak wajib zakat kepada si piutang; dan
5. Digugurkan kewajipan zakat kepada kedua-dua belah pihak walaupun hutang itu terjadi ke atas orang kaya.¹

HUTANG ZAKAT WAJIB DIBAYAR SETIAP TAHUN

Ibn Jurayj (m. 150H), Abū 'Ubayd (w 224H) dan Ibn Abī Syaybah (m. 235H) meriwayatkan bahawa 'Umar b. al-Khaṭṭāb (m. 23H), 'Uthmān b. 'Affān (m. 35H), Jābir b. 'Abd Allāh (m. 73H), 'Abd Allāh b. 'Umar (m. 73H), Jābir b. Zayd (m. 93H), al-Ḥasan al-Baṣrī (m. 110H), Ibrāhīm al-Nakha'ī (m. 93H), Mujāhid (m. 103H) dan Maymūn b. Mihrān (m. 117H) ber-

1. Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 174.

pendapat bahawa harta hutang wajib dibayar zakat setiap tahun bersama harta yang ada di dalam simpanan kerana kedua-dua harta tersebut tidak tergolong sebagai barangan pengguna.¹ Pendapat di atas tidak adil kerana harta yang dipinjamkan itu sudah tidak menjadi milik dan taraf pemilikan sebenar telah terlucut mengikut undang-undang dan adat buat sementara waktu. Berhubung dengan harta hutang ini walaupun peminjam sebagai pemilik, mereka tidak ada kebebasan sebagai pengguna. Oleh itu, sepatutnya mereka tidak diwajibkan zakat sehingga harta itu dilunaskan.²

HUTANG WAJIB DIQADĀ' DAN BERKEMUNGKINAN JUGA BOLEH TERLUPUS DARIPADA ZAKAT

Seorang piutang yang berkemampuan dan melakukan pinjaman itu dengan dimeterai perjanjian dan terjamin dengan cagaran turut diwajibkan zakat. Berhubung dengan pinjaman sedemikian mengikut pendapat Sufyān al-Thawrī (m. 160H), hutang tersebut diwajibkan zakat pada hari penjelasan serta diwajibkan juga zakat tahun-tahun yang tertunggak. Mengikut 'Alī b. Abī Tālib (m. 40H) dan 'Abd Allāh b. 'Abbās (m. 67H), pinjaman itu diistilahkan sebagai "al-Zunūn". Apabila

1. Ibid., halaman 176; dan Ibn Ḥazm, VI., op. cit., halaman 100.

2. Ibn Abī Syaybah, op. cit., halaman 390.

hutang itu berlaku ke atas orang yang tidak berkemampuan dan tidak terjamin dengan cagaran, ia dikira sebagai hutang lapuk. Kemudian dengan tidak diduga si berhutang menjelaskan hutang itu. Al-Hasan al-Baṣrī berpendapat bahawa harta itu tidak wajib zakat pada hari penjelasan dan tahun-tahun yang tertunggak kerana harta itu dikategorikan sebagai pendapatan baru (al-Māl al-Mustafād) tetapi ia disyaratkan melalui tempoh hawl.¹

Adakah hutang mendapat pelepasan zakat? Ada dua pendapat yang boleh digabungkan menjadi satu jawapan yang mantap. Kedua-dua belah pihak, peminjam dan piutang sebahagian daripada pendapatannya tidak ditaksir sebagai nisāb zakat. Kedua gabungan pendapat itu disimpulkan: Pertama, pinjaman mendapat pelepasan zakat sepenuhnya. Kedua, zakat hutang diwajibkan sekali sahaja, iatu zakat pada masa penjelasan. Bagi tahun-tahun yang tertangguh tidak dikenakan zakat tertunggak. Sa'ib b. Yazīd (m. 91H) menceritakan bahawa Khalifah 'Uthmān (m. 35H) setiap bulan Muḥarram (ada juga yang berpendapat bulan Ramaḍān) mengeluarkan arahan, "Sekarang tiba bulan pembayaran zakat, sesiapa yang berhutang jelaskan hutang itu terlebih dahulu, jika pendapatan kamu masih

1. Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 177.

berlebih (berbaki) tunaikan zakatnya".¹ Khalifah 'Umar b. 'Abd al-'Azīz (m. 101H) juga pernah mengeluarkan arahan kepada Maymūn b. Mihrān (m. 117H) supaya mengutip zakat hutang yang tertunggak kepada si piutang. Tetapi arahan itu dibatalkan dengan arahan lain supaya piutang membayar zakat sekali iaitu pada hari penjelasan hutang kerana harta tersebut dikira sebagai harta dimār (hilang).² 'Atā' b. Abī Rabāh (m. 114H), Tā'us (m. 106H) dan Sufyān al-Thawrī (m. 160H) berpendapat, apabila tiba musim mengetam hendaklah jelaskan hutang piutang kamu terlebih dahulu dan jika seseorang itu masih memiliki lima awsuq ia hendaklah mengeluarkan zakatnya".³ Pendapat di atas selain daripada pendapat Khalifah 'Uthmān b. 'Affān (m. 35H) dan 'Umar 'Abd al-'Azīz (m. 101H) ia juga merupakan pendapat Ibrāhīm al-Nakha'ī (m. 95H), Maymūn b. Mihrān (m. 117H), 'Ikrimah (m. 107H), Mālik b. Anas (m. 179H), al-Ḥasan al-Baṣrī (m. 110H), Sulaymān b. Yāsar (m. 107H) dan al-Layth (m. 175H).⁴

-
1. Mālik b. Anas, op. cit., halaman 172; Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 177; al-Ṣan'ānī, IV, op. cit., halaman 92; dan al-Syaybānī, op. cit., halaman, 60.
 2. Mālik b. Anas, op. cit., halaman 173.
 3. Al-Ṣan'ānī, IV, op. cit., halaman 93; dan Ibn Ḥazm, VI, op. cit., halaman 102.
 4. Abū 'Ubayd, op. cit., halaman 177-178.

Zakat diwajibkan ke atas orang kaya. Orang yang berhutang kebiasaannya terdiri daripada golongan miskin, terutamanya kepada yang bergaji kecil dan pendapatan ahli profesional yang muflis, malah orang yang memberi hutang boleh juga menjadi termiskin pula kerana harta atau kekayaan mereka boleh berkurangan di atas kecurangan peminjam. Selain itu piutang telah tersekat hak kebebasan sebagai pengguna sebenar ke atas miliknya. Pada waktu yang sama juga peminjam wajib membayar hutangnya. Oleh itu, kedua-dua pihak menjadi orang yang berhajat, terbeban dan berkesulitan. Dalam keadaan tersebut, tidak adil jika mereka dikenakan zakat. Sebab itu, pendapatannya tidak ditaksir kepada penjumlahan nisāb kerana syarat pemilikan harta hutang atau harta yang dipinjamkan bukan merupakan milik sebenar (lemah). Apabila diperhatikan dengan lebih mendalam mereka boleh tergolong orang yang tidak mampu dan dalam keadaan lain mereka harus menerima agihan zakat pula kerana secara tidak langsung mereka tergolong ke dalam asnāf yang perlu dibantu.

Berpandukan pendapat di atas, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa pendapat tersebut merupakan pendapat yang adil dan praktis, ia wajar diterapkan dalam sistem zakat dengan syarat hutang itu dibelanjakan kepada perkara asasi seperti makanan, pakaian, pendidikan, kesihatan dan tempat tinggal dirinya sendiri dan saraan tanggungan. Hutang yang dibelan-

jakan dengan tujuan bermewah yang melebihi keperluan adat hendak ditaksir bersama dalam penjumlahan nisāb. Akta Cukai Pendapatan 1967 juga memberikan rebat cukai atas pinjaman kepada suatu perniagaan kecil dengan suatu amaun yang sama dengan dua peratus dan tidak boleh melebihi daripada cukai pendapatan yang dikenakan.¹

PENERAPAN PRINSIP NISĀB DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur belum ada peruntukan secara khusus bagi menentukan cara-cara untuk mentaksirkan harta kenaan zakat yang selaras. Taksiran zakat masih lagi dibuat secara sekarela oleh penzakat sendiri. Namun pegawai-pegawai Pusat Pungutan Zakat banyak membantu penzakat untuk mentaksirkan pendapatan mereka.

Sebagai penjelasan, di bawah ini diberikan contoh potongan taksiran nisāb yang dibenarkan. Ahmad membeli sebuah rumah berharga RM150,000 yang mesti dibayar selama 25 tahun, maka tiap-tiap bulan Ahmad membayar sebanyak RM500. Dalam waktu yang sama Ahmad juga telah membeli sebuah kereta secara ijārah (sewa beli) berharga RM50,000 selama lima

1. Malaysia, Akta Cukai Pendapatan, 1967, (Bil. 30 Tahun 1967), seksyen 6B(1).

tahun. Tiap-tiap bulan Ahmad membayar RM833.00. Dalam taksi-
ran zakat, wang sejumlah RM1,333 yang digunakan oleh Ahmad
untuk membayar rumah dan kereta ditolak daripada penjumlahan
nisāb.

JADUAL IV
JADUAL PENDAPATAN BERSIH
YANG CUKUP NISAB

A. PENDAPATAN		RM180.000
B. PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN		
1. Diri	RM6.000	
2. Isteri	RM3.000	
3. Anak 5 orang (RM800 X 5 orang)	RM4.000	
4. Nafkah Ibu Bapa	RM3.000	
5. Adik beradik	RM6.000	
6. Hutang	RM120.000	RM142.000
C. PENDAPATAN BERSIH		<u>RM38,000</u>

JADUAL V
PENDAPATAN BERSIH
YANG KURANG NISĀB

A. PENDAPATAN SATU TAHUN		RM12,000
B. PERBELANJAAN SATU TAHUN		
1. Diri	RM4,000	
2. Isteri	RM3,000	
3. Anak 2 orang (RM800 X 2 orang)	RM1,600	
4. Caruman Instutusi Yang Membayar Zakat	RM0,600	
5. Nafkah Ibu Bapa	RM0,600	
6. Hutang	RM1,200	RM11,000
C. PENDAPATAN BERSIH		<u>RM1,000</u>

**JADUAL VI
PENDAPATAN BERSIH
MELEBIHI KEPERLUAN ASAS**

A. PENDAPATAN SATU TAHUN		RM7,000
B. PERBELANJAAN ASAS SATU TAHUN		
1. Diri	RM4,000	
2. Isteri	RM3,000	
3. Anak	-	
4. Ibu Bapa	-	
5. Hutang	RM0.600	<u>RM7,600</u>
C. PENDAPATAN BERSIH (TERHUTANG)		-RM0.600

Pada Jadual IV, pendapatan bersih sebanyak RM38,000 telah melebihi minimum niṣāb (RM3,000), maka pendapatan tersebut diwajibkan zakat.

Pada Jadual V, pendapatan bersih RM1,000 kurang daripada minimum niṣāb, pendapatan itu tidak diwajibkan zakat.

Pada Jadual VI pula, pendapatan bersih melebihi perbelanjaan asas, beliau menanggung beban hutang. Dalam sistem zakat, beliau berhak dipertimbangkan mendapat agihan zakat.